# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

14 MAC 2019
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| NEW STRAITS TIMES | 34 SCHOOLS ORDERD TO CLOSE | 2 |
| THE STAR | MB: NO NEED TO EVACUATE | 3 |
| THE STAR | MORE STUDENT DOWN WITH BREATHING DIFFICULTIES | 4 |
| THE STAR | FACE MASKS SOLD OUT T MANY PLACES IN PASIR GUDANG | 5 |
| SINAR HARIAN | 43 SEKOLAH DIARAH TUTUP | 6 |
| BERITA HARIAN | 8 BAHAN KIMIA BAHAYA DIKESAN | 7 |
| BERITA HARIAN | PENCEMARAN MEREBAK LIPUTI KAWASAN SELUAS 15KM | 8 |
| HARIAN METRO | TOKSIK TAHAP KRITIKAL | 9 |
| HARIAN METRO | PENDAPATAN MEROSOT 50% | 10 |



# NEW STRAITS TIMES

THURSDAY, MARCH 14, 2019 . NewStraitsTimes



## 34 schools ordered to close



*Education Minister Dr Maszlee Malik visiting students and school staff receiving treatment at Sultan Ismail Hospital, Johor Baru, on Tuesday.* PIC FROM MASZLEE'S TWITTER

**JOHOR BARU:** The Education Ministry yesterday ordered the immediate closure of 34 schools in Pasir Gudang to contain the fallout from the chemical waste dumping in Sungai Kim Kim.

The incident has led to almost 500 people, mostly students, being hospitalised after inhaling toxic fumes emanating from the waste.

Education Minister Dr Maszlee Malik said — during his visit to the Taman Pasir Putih community hall operations centre, as well as Sultan Ismail Hospital on Tuesday — that the seriousness of the situation prompted him to instruct all schools within a 3km radius of the dumping site to be closed immediately.

"Today I was told that the situation has become more critical.

"To prevent any untoward incidences from affecting the children and school staff, I have ordered 34 schools in Pasir Gudang to be closed immediately.

"Teachers are excused from duty given the dangerous situation."

Maszlee said the ministry viewed the issue seriously as it had placed the lives of students, teachers and school staff at risk.

"The ministry is urging those responsible for this incident to be brought to justice."



*SK Taman Scientex pupils who inhaled toxic fumes being taken to the Taman Pasir Putih community hall in Pasir Gudang to receive treatment yesterday.* PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN

## PASIR GUDANG CHEMICAL POLLUTION

THE following is a chronology of events triggered by toxic fumes emanating from chemical waste dumped into Sungai Kim Kim last Thursday, and the unfolding environmental disaster, which led to 34 schools around Pasir Gudang to be closed.

**MARCH 7**

**9.30AM**
The managements of SMK Pasir Putih and SK Pasir Putih **detect a chemical stench** and inform the Fire and Rescue Department and Pasir Gudang District Health Office.

**10AM**
Students experience dizziness, nausea and vomiting. **Eight ambulances are rushed to the two schools** to help 24 students, a teacher from each school and several workers from the school canteens who are taken ill.

A Hazardous Materials management team (Hazmat) and the Fire and Rescue Department confirm the possibility of a gas leak in the vicinity as the schools are near an industrial area. Instructions are given to vacate the premises. **Both schools are closed for three days until Saturday and 35 people are hospitalised, with three of them in the intensive care unit.**




**MARCH 8**

**Thirty-nine people** are warded.



**MARCH 9**

The number of victims **seeking treatment increases to 79.**



**MARCH 10**

Teachers of SMK Pasir Putih and SK Pasir Putih **carry out a gotong-royong to clean up the schools.** The number of victims rises to **82 people.**



**MARCH 11**

**Three men, including two factory owners, are detained** on suspicion of disposing of chemical waste in Sungai Kim Kim.

**7AM**
The schools **reopen.**

**11.30AM**
Again, many students from the two schools **complain of breathing difficulties and nausea.** The school managements direct the schools to be vacated due to the unhealthy air condition and students are allowed to go home.

**MARCH 12**

Two more schools, SK Tanjung Puteri Resort and SMK Tanjung Puteri in Pasir Gudang district, are closed when **50 students of SMK Tanjung Puteri and five pupils of SK Tanjung Puteri Resort complain of dizziness and shortness of breath as result of inhaling the toxic fumes. As many as 13 schools around Pasir Gudang are closed.**

The schools closed are SK Taman Pasir Putih, SMK Pasir Putih, SK Tanjung Puteri Resort, SMK Tanjung Puteri Resort, SK Pasir Putih, SK Kota Masai 2, SMK Kota Masai 2, SK Kota Masai 3, SMK Kota Masai, SK Kota Masai, SK Perigi Acheh, Sekolah Agama Kampung Pasir Putih and Sekolah Agama Taman Pasir Putih. **Three-hundred and six people are treated today.**

**MARCH 13**

The Education Ministry **orders all 34 schools in Pasir Gudang to be closed** following the contamination, which has become critical.



INFOGRAPHIC NST



# THE STAR

The Star 4/3/2019

## MB: No need to evacuate

### No move yet to declare Sungai Kim Kim a disaster zone

**JOHOR BARU:** There is no plan yet to declare the areas surrounding Sungai Kim Kim as a disaster zone.

Mentri Besar Datuk Osman Sapian said the state government was more focused on conducting clean-up work along the river.

Saying there was no need to carry out an evacuation exercise, he advised people living within a 5km radius of the affected area to take extra precautions.

"So far, at least 1.2km of the river is believed to be polluted. We hope to clean up the river within a week




as we have increased our contractors from one to three," Osman told reporters after chairing a meeting of the state disaster management committee which he heads.

He said the state government had set aside RM6.4mil to manage the crisis and provide assistance to the victims.

Asked whether the pollution could still spread despite the clean-up exercise, he hoped that the situation would start improving.

On whether more schools would be closed, Osman said they were monitoring the situation as there were 42 schools within a 15km radius of the affected area.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad rubbished claims that there were deaths related to the toxic pollution.

He said 506 people were treated yesterday while 166 had been warded.This brings the total number to 975.

"We also have nine victims in intensive care," he said after attending the meeting.

On the ambulance driver who was warded in intensive care, Dzulkefly said he was getting better and was now in the normal ward.

He urged those experiencing symptoms of breathing difficulty to seek treatment and advised the people not to enter the affected areas.



THE STAR

# More students down with breathing difficulties

**JOHOR BARU:** The chemical pollution in Pasir Gudang is getting critical with 30 more students down with breathing difficulties.

The students are from SMK Nusa Damai in Taman Scientex, which is about 6km from the site where the chemicals were dumped in Sungai Kim Kim.

This brings the total number of victims to 975 since the incident occurred last Thursday.

An official of the school said at about 10am yesterday, some students experienced breathing difficulties while others fainted.

"A few other students in a classroom complained of a headache. We then gathered all students and told them to go home," he said.

He said there were also students who experienced vomiting, while others suffered sore eyes, dizziness and chest pain.

Students with more serious complaints were brought to Dewan Taman Pasir Putih, which had been turned into a ground command centre-cum-first health checkpoint.

"We had volunteers help the students leave the school in ambulances," he said when met at the school.

One of the victims, Nur Diana Batrisya Ahmad Sabtu, 14, said panic broke out when one of her classmates cried due to pain in her chest.

"This is when other students also felt the same," she said.

Najwa Suziele Mohd Zamani, 17, said she had a headache at about 10am before vomiting.

"I was given some medicine for my headache and the doctor told me to go to hospital if my symptoms continued," she said.

It is learnt that students in several other schools namely SK Taman Scientex, SK Taman Mawar, SMK Taman Rinting and SMK Taman Cendana also had similar complaints.

Authorities believe that airborne chemicals could spread to a larger area as the initial schools affected were all downstream, while SMK Nusa Damai was upstream.

The crisis was sparked off last Wednesday when unknown chemicals were dumped into Sungai Kim Kim.

The following day, 103 students from SK and SMK Pasir Putih were rushed to hospital with respiratory problems.

On Monday, a total of 106 students from the same schools were also affected, followed by 260 people who included 158 students from SK and SMK Tanjung Puteri Resort on Tuesday.



THE STAR

# Face masks sold out at many places in Pasir Gudang

**JOHOR BARU:** The chemical pollution in Pasir Gudang has led to mass buying of face masks, with many outlets having run out of stock.

Besides the N95 (respirator) masks, ordinary face masks are also in high demand.

Many outlets in the area had run out of supply since Tuesday.

Checks at five outlets in Pasir Gudang showed empty shelves.

According to the workers, they were not sure when the new orders would arrive as "even the suppliers do not have stock".

They advised the public to look for masks in other areas such as Johor Baru.

KPJ Pasir Gudang consultant general and respiratory physician Dr Che' Wan Aminuddin Hashim said the recommended face mask was the N95 variety which was suitable to protect against environmental pollution.

"There are several types of face masks available. The ones we use in the medical field is known as the surgical mask, which can offer the wearer better protection against infection.

"There are various types of N95 in the market which are commonly used by those handling gases or pollution," he said at the KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital yesterday.



# SINAR HARIAN



PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

## 43 sekolah diarah tutup

*Kementerian ambil tindakan serta merta sebagai langkah berjaga-jaga*

JOHOR BAHRU


FOTO: BERNAMA

Orang ramai berkumpul di luar menunggu anak-anak mereka mendapatkan rawatan di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.

Kementerian Pendidikan mengesahkan sebanyak 43 buah sekolah ditutup sehingga jam 7 petang semalam sebagai langkah berjaga-jaga akibat pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Menterinya, Dr Maszlee Malek berkata, penutupan serta-merta itu dilakukan bagi mengelakkan perkara tidak diingini menimpa murid dan warga sekolah

"Setelah melihat situasi yang semakin meruncing, saya telah mengarahkan semua sekolah dalam radius tiga kilometer ditutup serta-merta dan arahan ini melibatkan 11 sekolah secara keseluruhan.

"Malangnya, hari ini (semalam) saya dimaklumkan keadaan semakin kritikal. Untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini menimpa anak murid dan warga sekolah, saya telah mengarahkan beberapa lagi sekolah ditutup bermula hari ini," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, guru juga tidak perlu bertugas kerana keadaan masih berbahaya.

Menurutnya, pihaknya juga sedang berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masa sama memastikan kesihatan pelajar dan kakitangan sekolah terjaga.

"Saya ingin menegaskan, sejak dari awal kes ini berlaku kementerian telah bekerjasama erat dengan dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk memastikan keselamatan murid, guru dan pekerja sekolah menjadi keutamaan.

"Kementerian memandang serius isu ini kerana ia melibatkan risiko nyawa kepada murid, guru dan pekerja sekolah," katanya.

### SEKOLAH YANG DITUTUP

1. SMK TAMAN SCIENTEX
2. SMK TAMAN NUSA DAMAI
3. SMK PASIR GUDANG 2
4. SMK DATO' PENGGAWA TIMUR
5. SMK PASIR GUDANG 3
6. SMK PASIR GUDANG
7. SMK BANDAR SERI ALAM
8. SMK TAMAN RINTING 2
9. SMK TAMAN MEGAH RIA
10. SMK SERI ALAM 2
11. KOLEJ VOKASIONAL PASIR GUDANG
12. SEKOLAH SENI MALAYSIA
13. SK TAMAN SCIENTEX
14. SK TAMAN RINTING
15. SK TAMAN BUKIT DAHLIA
16. SK PASIR GUDANG 4
17. SK TAMAN NUSA DAMAI
18. SK KOPOK
19. SK TAMAN CAHAYA MASAI
20. SK TAMAN RINTING 2
21. SK TAMAN CENDANA
22. SK TAMAN RINTING 3
23. SK MASAI
24. SJKT PASIR GUDANG
25. SK CAHAYA BARU
26. SJKC CHEE TONG
27. SJKC MASAI
28. SK SUNGAI TIRAM
29. SJKT MASAI
30. SK SERI KOTA PUTERI
31. SK PASIR GUDANG 2
32. SMK SUNGAI TIRAM
33. SMK TANJUNG PUTERI RESORT
34. SK TANJUNG PUTERI RESORT
35. SMK KOTA MASAI
36. SMK KOTA MASAI 2
37. SK PASIR PUTEH
38. SK PERIGI ACHEH
39. SK KOTA MASAI 3
40. SK TAMAN PASIR PUTIH
41. SMK PASIR PUTIH
42. SK KOTA MASAI
43. SK KOTA MASAI 2

## Pelajar sesak nafas, muntah-muntah

**PASIR GUDANG** - Kesan pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, di sini, terus merebak apabila beberapa lagi pelajar dari sekolah yang tidak mendapat arahan penutupan, jatuh sakit semalam.

Perkembangan itu mencetuskan suasana cemas apabila beberapa pelajar mula mengalami simptom sesak nafas.

Tinjauan *Sinar Harian* di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nusa Damai di sini, semalam mendapati lebih 30 pelajar muntah-muntah.

Malah, ada pelajar turut diusung ke dalam ambulans untuk dibawa ke Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih yang dijadikan pusat pemeriksaan kesihatan sementara.

Menurut kakitangan sekolah itu, situasi panik itu dipercayai berlaku pada jam 10 pagi semalam apabila beberapa pelajar mengadu sesak nafas dan ada yang mulai pengsan.

"Masa itu semua sudah di kelas, tiba-tiba ada pelajar yang mengadu sakit kepala. Sekolah kemudiannya mengarahkan semua pelajar berkumpul sebelum membenarkan pelajar pulang.

"Buat masa ini terdapat sukarelawan yang membantu, dan ambulans masih keluar masuk untuk mengambil pelajar," katanya ketika ditemui, di sekolah berkenaan, semalam.

Sementara itu, pelajar, Nur Diana Batrisya Ahmad Sabtu, 14, berkata, keadaan mulai panik apabila salah seorang rakan sekelasnya menangis kerana merasa sakit di bahagian dada.

"Kawan saya seorang tiba-tiba menangis kerana sakit dada, lepas itu yang lain pun ikut jadi macam itu," katanya.

Difahamkan, beberapa sekolah lain iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Nusa Damai, SMK Taman Scientex dan SK Taman Rinting turut menghadapi kejadian yang sama.


Seorang pelajar dibawa menaiki ambulans untuk ke hospital selepas mendapatkan rawatan awal di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih.


Seorang pelajar dikendong untuk mendapatkan rawatan awal di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.

EK ELEH






# BERITA HARIAN



PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

## 8 BAHAN KIMIA BAHAYA DIKESAN

- Lapan sebatian kimia berbahaya dibuang ke dalam Sungai Kim Kim bertindak balas dengan air, mencetuskan pengewapan yang mencemarkan udara
- Penduduk sekitar 15km radius dari lokasi punca bencana terjejas, 500 pelajar dan penduduk menerima rawatan di hospital, termasuk sembilan kritikal
- 43 sekolah ditutup serta-merta, manakala UiTM, Politeknik, Kolej Komuniti Pasir Gudang arahkan pelajar bercuti → Ms.18, 19, 20, 21

**HUKUMAN MATI ATAS BUDI BICARA MAHKAMAH DICADANG GANTI MATI MANDATORI** Ms.21

Berita Harian @ 14/3/19



# HARIAN METRO



Ibrahim Isa, Mohd Sabran Md Sani, Mary Victoria Dass, Mohd Hafizee Mohd Arop & Ekhwan Haque Fazlul Haque
am@hmetro.com.my



RACUN SUNGAI KIM KIM




1. SK Taman Pasir Putih
2. SMK Taman Pasir Putih
3. SK Pasir Putih
4. SK Tanjung Puteri Resort
5. SMK Tanjung Puteri Resort
6. SK Kota Masai 2
7. SMK Kota Masai 2
8. SK Kota Masai 3
9. SMK Kota Masai
10. SK Kota Masai
11. SK Perigi Acheh
12. SA Kampung Pasir Putih*
13. SA Taman Pasir Putih*
14. SK Scientex
15. SK Taman Mawar
16. SMK Nusa Damai
17. SMK Taman Rinting 1
18. SMK Taman Cendana
19. Sekolah Seni Malaysia
20. Sekolah Menengah Scientex
21. SK Taman Bukit Dahlia
22. SK Taman Pasir Gudang 4
23. SK Nusa Damai
24. SK Kopok
25. SK Cahaya Masai
26. SK Taman Cendana
27. SK Taman Rinting 2
28. SK Taman Rinting 3
29. SMK Pasir Gudang 2
30. SM Dato' Penggawa Timur
31. SMK Pasir Gudang 3
32. SK Masai
33. SJK Tamil Pasir Gudang
34. SMK Pasir Gudang 4

*Sekolah Agama Kampung Pasir Putih dan Sekolah Agama Taman Pasir Putih merupakan sekolah di bawah kerajaan negeri Johor

## BAHAN KIMIA DAN KESAN KEPADA KESIHATAN

Info

YANG DITEMUI DI SUNGAI KIM KIM, PASIR GUDANG, JOHOR

**Benzene**
Menyebabkan kekurangan sel darah merah dan anemia

**Toulene**
Menyebabkan sakit kepala, lemah badan, hilang ingatan dan kurang selera makan

**Xylene**
Menyebabkan kerengsaan kulit, mata dan saluran pernafasan

**Ethybenzene**
Menyebabkan kesan dalam sistem darah

**D-Limonene**
Bahan kimia yang digunakan untuk hasil proses penyuraian tayar

# TOKSIK TAHAP KRITIKAL

■ *34 sekolah di Pasir Gudang ditutup serta-merta sehingga disahkan selamat*

**Kuala Lumpur**

Sehingga semalam, sebanyak 34 sekolah di Pasir Gudang, Johor ditutup serta-merta dan tiada sebarang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan sehingga disahkan selamat.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, keputusan itu dibuat memandangkan keadaan di kawasan berkenaan yang masih kritikal dan membahayakan murid, guru dan kakitangan sekolah.

"Selepas melihat keadaan yang semakin meruncing, saya mengarahkan untuk 34 sekolah di sekitar Pasir Gudang ditutup serta merta. Ini untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku kepada murid dan warga sekolah.

"Ingin saya tegaskan, Kementerian Pendidikan bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Sains dan Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi memastikan tahap keselamatan dan kesihatan murid, guru dan kakitangan sekolah menjadi keutamaan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, Kementerian Pendidikan memandang serius isu berkenaan kerana ia membabitkan nyawa murid, guru dan kakitangan sekolah dan menggesa penjenayah yang terbabit dibawa ke muka pengadilan dengan segera.

Sementara itu, dalam sidang media selepas melawat Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Chow Kit, semalam, Maszlee berkata, kementerian akan mendapatkan khidmat pakar dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Johor untuk memastikan insiden pencemaran gas dapat dikawal segera.

"Kejadian ini menjejaskan aktiviti persekolahan namun dalam masa sama kita tidak boleh berkompromi dengan keadaan persekitaran yang boleh menjejaskan kesihatan murid, guru dan kakitangan sekolah," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, SBJK adalah contoh terbaik institusi pendidikan di negara ini serius untuk memastikan golongan tidak bernasib baik seperti gelandangan dan anak yang tidak mempunyai sijil kelahiran mendapat pendidikan sebaik mungkin.

Beliau berkata, syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) diminta untuk tampil menghulurkan bantuan dari pelbagai aspek untuk membolehkan lebih banyak sekolah yang membela nasib mereka yang kurang berkemampuan dapat dibina di negara ini.

"Negara luar kagum dan mengambil SBJK sebagai contoh untuk digunakan dalam sektor pendidikan di negara mereka. Ini membuktikan usaha mewujudkan SBJK memberi impak positif khususnya dalam memastikan golongan kurang berkemampuan turut menerima pendidikan yang adil," katanya.





# HARIAN METRO



## Polis Johor buka kertas siasatan

**Johor Bahru:** Polis Johor membuka dua kertas siasatan bagi menyiasat insiden pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, pada 7 Mac lalu, kata Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd.

HARIAN METRO

# Pendapatan merosot 50%

■ *Perniagaan terjejas teruk sejak berita pencemaran Sungai Kim Kim*

Ibrahim Isa
ibrahim@hmetro.com.my



> "Penduduk bimbang ia tercemar disebabkan kejadian yang berlaku di Sungai Kim Kim"
>
> *Malek Mohd Sah*

**Johor Bahru**

Peniaga ikan di sekitar Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang, mendakwa hasil jualan mereka merosot lebih 50 peratus setiap hari sejak kejadian pencemaran kimia di Sungai Kim Kim tercetus.

Peniaga ikan, Malek Mohd Sah, 52, berkata penduduk enggan membeli hidupan laut yang dijual kerana bimbang ia tercemar dengan kimia berbahaya.

Katanya, perniagaannya terjejas teruk sejak Khamis lalu apabila berita mengenai pencemaran Sungai Kim Kim tersebar melalui media sosial dan akhbar.

Menurutnya, biasanya dia menjual sehingga 50 kilogram makanan laut sehari dan sepanjang hujung minggu manakala pada Sabtu dan Ahad, jumlah jualan meningkat berkali ganda disebabkan kehadiran warga Singapura.

"Bagaimanapun, sejak Khamis lalu permintaan ke atas ikan, ketam dan pelbagai makanan laut tidak mendapat sambutan.

"Penduduk bimbang ia tercemar atau mempunyai kesan sampingan disebabkan kejadian yang berlaku di Sungai Kim Kim sedangkan saya mendapat bekalan daripada nelayan di Pontian," katanya.



ADZUAN (kanan) mengambil inisiatif memberi penutup muka kepada orang ramai akibat pencemaran kimia yang berlaku di Pasir Gudang.

# Agih topeng percuma

**Pasir Gudang:** Seorang aktivis masyarakat mengambil inisiatif mengagihkan topeng muka kepada orang ramai susulan kesan pencemaran kimia di Sungai Kim Kim di sini, yang semakin merebak.

Semalam, Adzuan Ahmad, 47, mengedarkan topeng muka percuma kepada ibu bapa yang hadir untuk melihat murid dan pelajar sekolah yang dirawat di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih akibat terhidu gas beracun dari kawasan pencemaran kimia itu.

Katanya, dia terpanggil memberikan topeng muka percuma itu selepas mendapati ada kes baharu membabitkan pelajar, semalam.

"Kes ini sudah berlarutan sejak seminggu lalu dan saya terpanggil untuk datang ke sini dan memberikan topeng muka kepada orang ramai.

"Agihan dibuat kepada orang ramai terutama ibu bapa yang datang ke dewan ini tanpa langkah-langkah keselamatan," katanya.

Katanya, kira-kira 400 topeng muka diagihkan di dewan berkenaan dan akan menambah jumlahnya jika keadaan memerlukan.

Menurutnya, dia berharap orang ramai mengurangkan aktiviti luar bagi mengurangkan kesan pencemaran hingga menjejaskan kesihatan.

Aktivis Jamaluddin Abd Malik, 41, yang mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Belia Wawasan Taman Tanjung Puteri Resort, sudah seminggu berkampung di dewan itu.

Katanya, dia membantu mengagihkan bantuan makanan dan minuman sumbangan pelbagai pihak termasuk Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), industri, NGO dan orang ramai.

"Saya membantu mengagihkan bantuan makanan disalurkan pelbagai pihak termasuk roti, air mineral, air kotak dan topeng muka.

"Pelbagai industri tampil memberikan bantuan menerusi program tanggungjawab sosial (CSR) kepada masyarakat terutama bantuan makanan," katanya.

